

16/04/1999

Isu ISA dapat perhatian ahli dewan

Ebi Azly Abdullah; Salina Abdullah

KUALA LUMPUR, Khamis - Isu Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960 mendapat perhatian dalam sesi perbahasan Dewan Rakyat hari ini dengan beberapa Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) meminta ia dimansuhkan.

Sambil menyifatkan akta itu tidak lagi sesuai dengan suasana politik sekarang, mereka sependapat undang-undang sedia ada seperti Akta Polis, Kanun Keseksaan dan Akta Hasutan sudah memadai untuk menangani sebarang ancaman kepada keselamatan negara.

Chia Kwang Chye (BN-Bukit Bendera) dan Datuk Abu Zahar Nika Ujang (BN-Kuala Pilah) berkata, akta itu yang membenarkan pihak berkuasa menahan individu tanpa dibicarakan terlebih dahulu memungkinkan penyalahgunaan kuasa berlaku.

Bagaimanapun, pandangan itu disangkal seorang lagi penyokong kerajaan, Noh Omar (BN-Tanjung Karang) yang mendakwa tanpa ISA rakyat akan meletakkan undang-undang di dalam tangan mereka.

"Biar kerajaan dituduh menyalahgunakan ISA, asalkan keselamatan dan keamanan negara terpelihara.

"Lebih daripada itu, kerajaan juga harus memperketatkan undang-undang lain bagi mengelak penyalahgunaan kuasa dan pelanggaran undang-undang sewenang-wenangnya," katanya.

Kenyataan Noh turut disokong beberapa Ahli Parlimen BN yang ada dalam dewan ketika itu.

Noh berkata, ISA perlu diteruskan untuk mengawal rusuhan dan ancaman kepada negara, sambil merujuk kepada keganasan yang dilakukan oleh golongan reformasi selepas Datuk Seri Anwar Ibrahim didapati bersalah oleh Mahkamah Tinggi semalam.

Katanya, tiada salahnya 'penyalahgunaan kuasa' dibenarkan bagi membendung rusuhan itu, yang disifatkan lebih teruk daripada 13 Mei 1969.

Chia berkata, ISA adalah undang-undang yang membenarkan pihak pentadbir menahan seseorang tanpa perbicaraan atas alasan keselamatan negara.

Bagaimanapun, katanya, undang-undang itu tidak lagi sesuai pada masa ini berikutan negara tidak lagi menghadapi pemberontakan seperti ketika ia digubal sebaliknya hanya mengalami kekacauan serta ucapan yang boleh menghasut dan membangkitkan perasaan perkauman.

Beliau juga mengalu-alukan cadangan kerajaan untuk menubuhkan Suruhanjaya Kebangsaan bagi Hak Asasi Manusia, yang menjamin proses demokrasi dan kebebasan di negara ini.

Sementara itu, Abu Zahar berkata ISA sudah wujud lebih lama daripada objektifnya kerana tiada lagi pemberontakan bersenjata di negara ini, terutama selepas Perjanjian Bangkok ditandatangani menandakan berakhirnya ancaman komunis.

Katanya, peruntukan dalam ISA kini digunakan dalam kes seperti pemalsuan passport, pengklonan telefon dan penyebaran khabar angin, yang mana kesalahan itu sebenarnya boleh didakwa menggunakan peruntukan undang-undang lain.

Malah, katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam salah satu buku tulisannya bersetuju tiada siapa akan menyenangi ISA kerana ia bertentangan dengan amalan demokrasi.

(END)